



KENYATAAN MEDIA LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA

ISU GAJI PERMULAAN JURUTERA RENDAH: HASIL KAJIAN, CADANGAN DAN HALA TUJU

Pada 14 Mac 2022, YB Menteri Kanan Kerja Raya Malaysia telah membuat kenyataan pada sesi menjawab perbahasan isu gaji permulaan jurutera rendah di Mesyuarat Pertama Penggal Kelima, Parlimen ke-14. Pada sesi tersebut YB Menteri Kanan telah menerangkan bahawa satu *Task Force* (Pasukan Petugas) telah ditubuhkan oleh Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) bagi meneliti isu gaji permulaan jurutera rendah yang telah dibangkitkan oleh beberapa pihak sejak tahun lalu.

Task Force LJM telah dipertanggungjawabkan bagi mengkaji beberapa perkara berikut:

- (i) mengenal pasti kesahihan isu gaji permulaan jurutera rendah dengan kaji selidik menerusi data diperolehi dari pelbagai sumber.
- (ii) mengenal pasti punca utama isu gaji permulaan jurutera rendah.
- (iii) memberi cadangan hala tuju serta tindakan untuk pertimbangan pihak berkuasa dan pihak berkenaan.

Sukacita dimaklumkan bahawa kajian oleh *Task Force* LJM telah selesai dan hasilnya adalah seperti yang berikut:

- (i) Sekitar 35% jurutera menerima gaji permulaan di bawah RM2,000.00.
- (ii) Di dalam perkhidmatan awam, skim Kejuruteraan (J) adalah berada pada kedudukan ketiga selepas skim Perubatan & Kesihatan (U) dan Kewangan (W).

- (iii) Sektor Penyelidikan & Pembangunan dan Pembuatan & Pengeluaran menawarkan julat peratusan gaji permulaan melebihi RM2,000.00 yang paling tinggi iaitu 75%.
- (iv) Kenyataan bahawa gaji permulaan jurutera yang tidak berubah sejak 20 tahun (2000 – 2021) adalah tidak tepat. Kajian mendapati bahawa purata kenaikan gaji tahunan bagi sektor awam dan sektor swasta masing-masing sebanyak 2.9% dan 2.2%.
- (v) Kadar kenaikan gaji permulaan jurutera tidak selaras dengan kadar inflasi negara iaitu 3.2% (sumber daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021).

Beberapa punca permasalahan utama dirumuskan seperti berikut:

- (i) Pilihan pekerjaan yang terhad dalam bidang kejuruteraan;
- (ii) Pencapaian akademik yang rendah di kalangan graduan;
- (iii) Kurang kesedaran skop kerja profesion kejuruteraan oleh graduan dan majikan;
- (iv) Tiada penandaarasan/ketetapan gaji asas permulaan untuk rujukan majikan dan graduan;
- (v) Majikan menawarkan jawatan jurutera tanpa mementingkan pendaftaran dengan LJM;
- (vi) Peruntukan undang-undang sedia ada, Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Akta 138) mempunyai kekangan yang menghadkan penguatkuasaan;
- (vii) Skala Fi kejuruteraan (sektor pembinaan) yang rendah berbanding skala fi badan profesional yang lain.
- (viii) Gaji permulaan jurutera meningkat pada kadar yang kecil dan tidak selari dengan peningkatan kos sara hidup semasa (peningkatan kadar inflasi);
- (ix) Gaji permulaan jurutera bergantung kepada penawaran dan permintaan (*supply and demand*); dan
- (x) Dari perspektif majikan, graduan kejuruteraan baharu dianggap tidak menyumbang kepada pendapatan syarikat di peringkat awal pekerjaan.

Setelah meneliti dapatan hasil kajian, LJM mencadangkan beberapa hala tuju bagi mengatasi isu gaji jurutera yang rendah sekaligus dalam jangka masa panjang dapat menyumbang kepada pertumbuhan positif ekonomi negara.

Untuk jangka masa pendek, LJM mencadangkan julat gaji permulaan jurutera antara RM2,500.00 hingga RM3,500.00 serta menggalakkan gaji permulaan lebih tinggi mengikut kemampuan majikan.

Bagi perancangan jangka masa panjang pula, penandaarasan perlu dibuat untuk menetapkan gaji permulaan jurutera dengan mengambilkira kos sara hidup dan gaji profesional yang lain. Pihak berkepentingan perlu membuat unjuran penawaran dan permintaan (*supply and demand*) sama ada dari segi kuantiti dan disiplin profesion kejuruteraan bagi perancangan atau susun atur pengeluaran jurutera siswazah oleh institut pengajian tinggi (IPT).

Dari sudut perundangan pula, proses pindaan Akta 138 perlu disegerakan untuk peruntukan penguatkuasaan yang lebih luas demi memperkasakan fungsi LJM. LJM akan bekerjasama dengan agensi kerajaan lain dalam meningkatkan keberkesanan program kempen kesedaran kepentingan berdaftar dengan LJM. Skala Fi kejuruteraan yang sedia ada perlu ditambah baik tatacara pengendaliannya untuk memberi nilai tambah dalam penentuan penggajian jurutera.

Usaha untuk memartabatkan profesion kejuruteraan agar nilai tambah digandakan perlu dibuat secara holistik oleh institut pengajian sama ada kemahiran ataupun akademik. Cadangan insentif kewangan kepada syarikat yang layak menggaji jurutera dengan gaji permulaan selama dua (2) tahun untuk meningkatkan kemahiran kejuruteraan sebagaimana doktor pelatih (*housemanship*) harus diperhalusi dan dipertimbangkan untuk pelaksanaan.

Turut dikenal pasti adalah keperluan kajian menyeluruh mengenai bidang tugas jurutera yang masih bergantung kepada teknologi luar yang tidak menuntut inovasi dan kreativiti untuk meningkatkan martabat jurutera tempatan dari aspek profesion dan ekonomi perlu dilaksanakan dengan secepat mungkin.

Sekiranya isu-isu yang dibincangkan seperti di atas ini tidak ditangani dengan segera, generasi muda tidak akan memilih profesion kejuruteraan sebagai pilihan kerjaya. Kesannya, usaha memperkasakan *Science, Technology, Engineering & Mathematics* (STEM) tidak akan tercapai dan negara akan berdepan dengan kekurangan jurutera serta terpaksa bergantung kepada kepakaran dan teknologi luar dalam pembangunan negara.

Merujuk kepada ucapan Yang Dipertua LJM pada Majlis Makan Malam Ulang Tahun ke-50 LJM pada 20 Ogos 2022, Pekeliling Perbendaharaan Malaysia: Kos Perkhidmatan Perunding (PK 3.2) (Pindaan April 2021) telah menggariskan kadar permulaan gaji pokok jurutera adalah RM3,335.00 untuk dijadikan asas rujukan kepada majikan dan jurutera. Oleh yang demikian, diharapkan penanda aras gaji permulaan jurutera ini dapat dijadikan rujukan kepada semua majikan.

LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA

14 September 2022